

**PERSPEKTIF SINGAPURA 2022**

# Rasa percaya, urus sumber dengan baik, usaha kolektif perlu: Desmond

Tiga perkara bagi capai wawasan Singapura sebagai bandar masa depan

“

**PERUBAHAN IKLIM DAN KEMAMPAHAN**

Satu cabaran besar ialah perubahan iklim. Sebagai negara kepulauan bertanah rendah, Singapura amat terdedah kepada kesan perubahan iklim, seperti paras laut yang meningkat dan cuaca lebih ekstrem. Jadi kita perlu mengambil langkah melindungi bandar kita dan rakyat kita – seperti meninggikan tanah bangunan yang dibina.

Selain menyesuaikan bandar dengan perubahan iklim, kita juga perlu mainkan peranan mengurangkan kesannya. Kami melancarkan Pelan Hijau tahun lepas. Berdasarkan lima tanggungjawab, yang secara kolektif akan mengubah hampir setiap aspek kehidupan kita – cara kita hidup, bekerja dan bergerak.

Jika kita bekerja keras, kita boleh mengubah Singapura menjadi bandar yang benar-benar mampan pada masa hadapan.

Kami sedang mengembangkan Singapura menjadi Bandar dalam Alam Semula Jadi – menemuai alam semula jadi dengan lebih intensif ke dalam bandar kami, dengan pelbagai cara.

Kami juga menjadikan prasarana bandar lebih mampan. Kami menjadikan bangunan lebih cekap tenaga, sambil menggunakan bahan dan amalan pembinaan yang lebih mampan. Pada masa yang sama, kita memerlukan lebih daripada sekadar “perkakas” atau memperbaiki prasarana. Kita memerlukan “perisian” atau “perisian hati” juga – dengan menjadikan kemampan sebagai bahagian penting dalam cara kita hidup, setiap hari.

Oleh itu, Pelan Hijau benar-benar merupakan usaha seluruh negara – ia bercita-cita tinggi, menyeluruh, dan kita memerlukan semua orang untuk merealisasinya.

**MASYARAKAT INKLUSIF DAN BERSATU PADU**

Selain perubahan iklim, satu lagi cabaran utama ialah memupuk masyarakat lebih inklusif dan bersatu padu. Masyarakat di seluruh dunia menjadi lebih berpecah belah – mengikut kaum, agama, status sosio ekonomi atau ideologi politik. Ini diburukkan lagi di dalam talian, di mana lebih mudah untuk kita berinteraksi hanya dengan mereka yang bersejua dengan kita dan menjauhi orang lain yang tidak.

Tetapi seperti pandangan Profesor Carlo Ratti, dari MIT (Institut Teknologi Massachusetts) dalam panel terdahulu, ruang fizikal boleh menjadi “penawar” kerana dalam ruang fizikal, kita perlu bertemu dan menyesuaikan diri dengan orang di sekeliling kita, tidak kira betapa berbezanya mereka.

Di Singapura, kami merancang bandar secara proaktif, bagi mewujudkan peluang bagi kumpulan berbeza berinteraksi di dalam dan di sekitar tempat mereka tinggal.

Baru-baru ini, kami melancarkan model baharu perumahan awam di lokasi utama, agar kawasan ini boleh diakses oleh lebih ramai rakyat Singapura, bukan sahaja golongan berada.

Kami menggandingkan dasar ini dengan program dan kegiatan bagi menggalakkan ikatan kemasyarakatan. Dengan cara ini, kami menyokong penyepaduan dan mobiliti sosial secara aktif. Kami tidak menyerahkannya kepada nasib.

Menjadi inklusif juga bermakna mereka bandar bagi memenuhi keperluan kumpulan berbeza, terutama-



**WAWASAN BANDAR SINGAPURA:** Bagi mencapai wawasan bandar Singapura yang diidamkan pada masa depan, Menteri Pembangunan Negara, Encik Desmond Lee, menggariskan beberapa ciri penting iaitu kepercayaan, pengurusan sumber yang baik dan usaha kolektif dalam ucapannya di IPS kelmari. – Foto IPS

## Laluan dan cabaran dalam realisasi visi bandar pada masa depan

manya mereka yang memerlukan lebih banyak sokongan. Kami juga berusaha menyokong orang kurang upaya dengan lebih baik.

Melalui peraturan seperti Kod Berkeupayaan BCA (Penguasa Bangunan dan Binaan), dan pelbagai usaha agensi untuk mereka dan memasing prasarana bagi memudahkan akses, kami menjadikan kebanyakan bahagian bandar ini bebas adangan.

Tetapi berdasarkan pengalaman harian rakyat Singapura yang berbeza kebolehan, jurang masih wujud dan masih banyak lagi boleh dilakukan untuk menganganinya.

Kami telah menyediakan Rangkaian Bandar Berupaya, yang menyatukan sektor awam, swasta dan orang ramai, untuk meneroka cara meningkatkan keberupayaan bandar kami, dipandu oleh realiti hidup orang kurang upaya – dengan memperbaiki alat mencari jalan, misalnya, atau dengan mengenal pasti peluang yang terlepas pandang bagi lebih banyak ciri bebas adangan.

Ini hanyalah satu inisiatif daripada Pelan Induk Pembolehan Ketiga.

**BERSEDIA UNTUK GENERASI LANJUT USIA**

Penuaan penduduk adalah satu lagi trend utama yang kita hadapi. Peratusan warga melebihi 65 tahun meningkat daripada sekitar satu dalam 10 sedekad lalu, kepada sekitar satu dalam enam pada hari ini.

Kami mengambil langkah menjadikan bandar lebih mesra warga emas. Kami juga ingin membantu warga emas menua dengan baik, terus terlibat dalam masyarakat setempat yang mereka kenali, tanpa perlu berpindah ke sekitar baharu.

Kami sedang merintis jenis flat baharu, Apartmen Penjagaan Komuni-

ti, yang menyepadukan perumahan mesra warga emas dengan perkhidmatan penjagaan, ruang bersama dan program. Selain ciri prasarana ini, sokongan sosial dan komuniti adalah penting.

Kami sedang membangunkan Rangkaian Komuniti untuk Warga Emas, dengan mengumpulkan pihak berkepentingan dalam masyarakat setempat – relawan, kumpulan kebajikan, agensi pemerintah dan lain-lain – untuk melibatkan diri dan menyokong warga emas secara bersama.

Kami sedang mempersiapkan bandar kita dengan cara ini dan lebih banyak lagi, supaya bersama-sama, kita dapat meraikan lebih banyak tahun yang baik untuk warga emas kita serta meraih manfaat daripada kebijaksanaan, pengalaman dan bimbingan mereka.

**PASTIKAN BANDAR KITA DALAM KEADAAN BAIK**

Apabila rakyat kita semakin tua dan negara semakin matang, bandar kita juga akan menjadi tua. Oleh itu, kita perlu berusaha secara khusus, bukan sahaja untuk membangunkan bahagian baharu bandar kita, malah mengekalkan mutu prasarana sedia ada.

Banyak bandar lebih tua daripada kita telah melalui pelajaran sukar tentang keperluan menyenggara bandar yang baik.

Oleh itu, kami bekerja keras untuk mengawal kerosakan bandar sedemikian.

Kami menaik taraf flat HDB kami apabila ia semakin menua demi memastikan ia dalam keadaan baik, melalui Program Peningkatan Rumah (HIP). Pada masa sama, bangunan lama yang membentuk bahagian penting warisan kolektif kita, kita bukan

sahaja akan mengekalkannya dalam keadaan baik untuk generasi mendatang, bahkan kita akan menyergangkannya, supaya ia kekal bertena dan relevan sepanjang masa.

Dengan cara ini, masa depan bandar kita akan kekal terhubung dengan masa lalu kita.

**URUS TEKANAN PENGGUNAAN TANAH**

Akhirnya satu cabaran tetap yang kita perlu tangani ialah bagaimana memanfaatkan sepenuhnya tanah kita yang terbatas bagi menampung keperluan yang bersaing seperti yang dikatakan dan lebih daripada itu, sedang masyarakat kita terus maju dan aspirasi berubah.

Kita memerlukan ruang untuk lebih banyak perumahan. Permintaan telah meningkat sejak akhir-akhir ini, antaranya kerana generasi “echo boomer” – anak-anak kepada generasi baby boomers atau mereka dilahirkan pada 1980-an dan 1990-an, yang kini mempunyai keluarga sendiri dan mencari rumah sendiri. Tetapi juga kerana perubahan pada struktur sosial dan aspirasi. Misalnya, isi keluarga lebih kecil.

Kita juga mahu lebih banyak ruang alam semula jadi dan kehijauan sedang lebih ramai warga Singapura lebih menghargai kawasan terbuka, khususnya dalam pandemik ini. Dan kita perlukan ruang untuk lebih banyak kemudahan penjagaan kesihatan, kebudayaan dan kemudahan riadah, kawasan ekonomi bagi industri baru, makmal bagi kajian dan inovasi, antara lain.

Tetapi kita hanya mempunyai sekitar 730 kilometer persegi tanah. Jadi kita harus amat berdisiplin dan kreatif untuk menyiapkan ruang bagi pelbagai keperluan ini.

Kami merancang untuk jangka

panjang. Kami mempunyai Pelan Induk untuk memandu pembangunan kita bagi 10 hingga 15 tahun, yang disemak semula setiap lima tahun.

Seperti saya katakan, sebagai negara kota, kita berdepan dengan tekanan penggunaan tanah lebih tinggi berbanding bandar lain. Ini adalah beban yang harus kita tanggung, tetapi ia juga seruan dan mendorong kita supaya mencari cara lebih baik memanfaatkan apa yang kita ada.

**BUAT PERSIAPAN HADAPI KETIDAKTENTUAN**

Perubahan iklim, polarisasi masyarakat, penuaan penduduk, pengurangan bandar, memberikan lebih tekanan penggunaan tanah – ini adalah trend yang kita jangkakan, “keadaan yang tidak dijangkakan dan boleh memberi risiko”. Tetapi dalam dunia yang kian tidak menentu, kita juga perlu mempersiapkan diri menghadapi “keadaan yang tidak dijangka dan boleh memberi risiko”.

Satu contoh penting ialah Covid-19. Seperti kata Menteri Ong (Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung), ia adalah “butang set semula”, memaksa kita memikirkan semula cara kita melakukan perkara.

Inovasi timbul daripada krisis. Pandemik juga satu peluang bagi kita untuk melakukan dengan lebih baik dan bijak, sedang kita mereka semula bandar kita.

Kita perlu bersedia sedia bagi pelbagai kemungkinan, dengan merancang lebih banyak fleksibiliti dalam bandar kita.

**WAWASAN BANDAR MASA HADAPAN**

Ini adalah antara banyak cara yang kita sedang lakukan untuk mempersiapkan bandar kita bagi masa depan. Jika kita gabungkan se-

baik sedang ia merupakan sumber berharga, dan ini memerlukan pemikiran jangka panjang.

Selain itu, tindakan kolektif diperlukan, melibatkan warga yang menyingkir lengan dan bekerjasama untuk merealisasikan masa depan negara bandar ini, kata Encik Lee lagi. Inilah semangat di sebalik gerakan Singapura Bersama, tambahannya.

Beliau turut membentangkan usaha Singapura menangani trend berkenaan perubahan iklim, perpecahan dalam masyarakat, penduduk menua, penyenggaraan bandar, dan tekanan penggunaan tanah.

Tetapi menjangkau trend yang boleh dijangka ini, terdapat juga perkara yang tidak diduga, seperti pandemik Covid-19.

“Inovasi timbul daripada krisis. Pandemik juga satu peluang bagi kita untuk melakukan dengan lebih baik dan bijak, sedang kita mereka semula bandar kita.”

“Kita perlu bersedia sedia bagi pelbagai kemungkinan, dengan merancang lebih banyak fleksibiliti dalam bandar kita,” ujar Encik Lee.

Contohnya, Singapura mungkin perlu memperuntuk tanah untuk menyimpan stok dan menghasilkan bahan penting semasa gangguan bekalan, atau menyediakan “ruang putih” yang fleksibel untuk kegunaan keemasan.

Ini bermakna negara ini mungkin tidak boleh memaksimumkan semua ruang tersedia sekarang, tetapi ini akan membantu untuk membina daya tahan untuk masa depan, kata Encik Lee.

Menyadari terdapat ketidaktentuan yang dihadapi, Singapura akan membangun rancangan masa depan yang memberikan fleksibiliti dan pilihan bagi masa depan, menerusi Semakan Pelan Jangka Panjang yang sedang berjalan, katanya lagi.

*Dalam persidangan Perspektif Singapura anjuran Institut Kajian Dasar (IPS), Menteri Pembangunan Negara, Encik Desmond Lee, telah berkongsi beberapa ciri penting dalam mereka dan membentuk Singapura sebagai bandar masa hadapan. Berikut adalah sedutan daripada ucapan yang disampaikan kelmari di IPS.*

mua ini, apakah Singapura yang kita boleh lihat?

Kita boleh melihat bandar yang merai kepelbagaian, bandar yang lebih inklusif dan bandar yang harmoni dengan alam sekitar.

Kita boleh melihat bandar yang sedia iklim dengan kemampan menjadi cara kehidupan. Dan mungkin, menjangkau bandar mampan yang mengurangkan kerosakan terhadap sekitaran, kepada bandar yang memulihkan kerosakan dan satu hari menjadi bandar yang menajana semula.

Kita mungkin melihat bandar terhubung secara global, bijak digital. Bukan hanya terhubung, malah penghubung – satu hab dagangan bagi barangan dan perkhidmatan tetapi juga aliran digital dan pertukaran kemahiran dan idea. Namun dengan semua pencapaian semula ini, kita seharusnya melihat sebuah bandar yang tetap utuh dalam warisannya.

**BAGAIMANA MENCAPAI INI**

Banyak perkara yang perlu kita lakukan. Tetapi saya akan gariskan beberapa ciri penting – kepercayaan, pengawasan dan tindakan kolektif.

**KEPERCAYAAN**

Pertama, masyarakat yang berkepercayaan. Perancangan bandar melibatkan keputusan yang sukar – mengimbangi kepentingan yang bersaing, merentasi masa dan ruang.

Tiada huraian yang sempurna, dan kita semua perlu berkompromi. Dalam situasi sedemikian, kepercayaan adalah penting.

Kepercayaan tidak bermakna yang kita harus sentiasa bersependapat tetapi ia bermakna kita harus percaya yang meskipun dengan perbezaan pandangan, kita akan sentiasa mengutamakan kepentingan Singapura.

**PENGAWASAN**

Ciri kedua ialah kita perlukan pengawasan. Tanah kita adalah sumber berharga, kita harus menjaganya dengan berhati-hati. Ini bermakna pemikiran jangka panjang kerana bandar kita bukan hanya untuk kita malah untuk anak-anak kita dan anak-anak pada masa depan.

Inilah yang dilakukan oleh bapa pengasas untuk kita. Wawasan jangka panjang mereka memberikan kita ciri ikonik bandar kita seperti Lapangan Terbang Changi, Marina Bay dan rangkaian MRT. Pada masa sama mereka menetapkan banyak tanah untuk kita. Kita gunakan ini untuk pelan perubahan bandar yang berani, yang saya sentuh awal tadi.

**TINDAKAN**

Ciri ketiga dan terakhir ialah tindakan kolektif. Perbincangan terbuka seperti sidang ini adalah penting. Namun, melebihi perbincangan dan penghasilan idea, mari kita mengambill tindakan dan bekerjasama. Inilah makna gerakan Singapura Bersama. Kita semua mempunyai peranan demi masa depan negara kota kita.